

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: PERJUMPAAN YAB
PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA JPM BAGI BULAN
APRIL 2024**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Date : 01/04/2024

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN YAB PERDANA MENTERI
BERSAMA WARGA JPM BAGI BULAN APRIL 2024**

**1 APRIL 2024 | ISNIN
DEWAN SERI ENDON, PUSPANITA PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Salam sejahtera.

Alhamdulillah, alladzi arsala rosulahu bil huda wa dinil haq.
Liyuzhhirohu 'alad dini kullihi.

Wa kafa billahi syahida.
Usolli wassallim 'ala rasulil kareem.
Wa 'ala alihi wasahbihi ajma'in.

YB Dato' Sri Fadillah bin Yusof,
Timbalan Perdana Menteri,

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara,

Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul
Aziz
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Menteri-Menteri dan rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Seperti yang berdoa tadi kita di akhir Ramadan, mudahmudahan kita dapat tingkatkan munajat kita kepada Allah SWT dan memberi makna bagi menjayakan tahap “La'allakum Tattaqun” dalam madrasah Ramadhan bulan ini.

Saudara dan saudari,

2. Sejak awal kita mengemudi pentadbiran baru ini, kita tekankan soal tata kelola. Banyak wacana perbahasan mengenai isu governance dan mengapa kita perang rasuah secara keras. Ada pandangan mengatakan bahawa kita harus ambil pendekatan yang lunak dan lumayan. Jalankan kerja seperti biasa dan ini bukan pilihan kita.

3. Saya yakin bahawa Malaysia punyai keupayaan untuk diangkat martabat dan darjatnya sebagai negara maju. Tapi harus bermula dari pimpinan yang punyai integriti. Dan penjawat awam yang mengikut kehendak “Islah Mastata’tu” (perubahan sedaya upaya kita). Tidak ada makna kepimpinan baru nak pertahankan semua kaedah-kaedah yang lama, yang baik kita manfaatkan. Tetapi kebiasaan untuk menggondol kekayaan dan memperkayakan pimpinan tidak boleh. Saya tahu ada bantahan seolah-olah tuntutan supaya kita kurangkan kontroversi ini. Saya nak jawab bahawa tekad kita harus tegas dan mudah-mudahan Madrasah Ramadan ini memperkuat keimanan kita, akhlak kita, integriti dan disiplin. Bagaimana mungkin kita bicara soal Ramadan, “Tarbiyah Ruhiyyah”? Tapi tidak bicara soal integriti dan disiplin. Mana ada amal ibadat yang memupuk disiplin begitu rupa seperti mana dalam peraturan dan kaedah Ramadan. Jadi itu yang pertama saya jelaskan.

4. Saya akui ada kejayaan, alhamdulillah. Dari sudut perolehan kita pastikan ada proses tender, kita pastikan pimpinan sentiasa diperingatkan dan sehingga kini dengan mendapat maklumat daripada badan-badan penguatkuasaan termasuk SPRM, pimpinan dan pimpinan kanan penjawat awam masih terhindar dari masalah penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Tetapi masih berlaku kecurangan-kecurangan yang bagi saya sangat

mengesankan dan menyedihkan termasuk paparan berita baru-baru ini mengenai Jabatan Kastam yang sebenarnya di bawah pengawasan saya di Kementerian Kewangan.

5. Orang yang meremehkan isu rasuah lupa bahawa dalam satu jabatan, satu jabatan kecil atau Pasukan Khas Keluarga Kastam keseluruhannya itu masih boleh menyebabkan kerugian hampir 2 bilion ringgit kepada negara. Saudara bayangkan kalau ini berlaku dengan ketirisan minyak diesel, dengan minyak makan yang diambil oleh kalangan tertentu. Kalau kita kumpul semua, kita boleh selamatkan puluhan bilion ringgit dalam keadaan kita warisi hutang 1.5 trillion ringgit dan defisit 56%. Kadang orang lupa “mengapa tak boleh begitu?” “mengapa tak luluskan ini?”, dia lupa bahawa kita tidak ambil atau mengendali dan mengemudi kerajaan ini dalam satu vacuum. Kita warisi dan kita terpaksa laksanakan satu program dasar kewangan yang lebih bertanggungjawab.

6. Saya singgung hal ini kerana saya mahu rakan-rakan dari penjawat awam faham kerangka lebih besar. Betul saudara Ketua Jabatan atau Ketua Pengarah atau KSU, tetapi saudara harus melihat kerangka besarnya. Kalau tidak, kita hanya lihat dari sudut jabatan kita yang terpisah “mengapa tidak dapat peruntukan itu dan ini” tanpa melihat bahawa negara ini tidak akan selamat kalau tidak kita betulkan pengurusan kewangannya, kalau defisit tidak boleh dikurangkan, kalau belanjawan tidak lebih berhemah dan kalau tidak ada Fiscal Responsibility Act yang telah kita uluskan. Dan ini bukan satu perkara yang mudah. Fiscal Responsibility Act itu bermakna Menteri Kewangan mengambil keputusan menyerahkan sebagaimana tugas dia supaya dipantau secara langsung oleh Parlimen. Dia tidak terlepas seperti biasa. Saya terpaksa lakukan kerana ini juga akan membantu

menambah keyakinan kepada masyarakat, pelabur, dalam domestik dan juga luar negara.

7. Alhamdulillah, apa yang dikatakan langkah-langkah reformasi awal ini ada hasilnya bukan sahaja dari sudut pertumbuhan pelaburan, tetapi pengiktirafan yang kita perolehi dari negara-negara luar. Mereka melihat kerajaan keseluruhannya, pimpinannya, penjawat awamnya dan sektor swastanya itu nampak ada hasrat dan kesungguhan melaksanakan beberapa program perubahan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita ketepikan keperluan memberi bantuan secara langsung bagi kalangan yang memerlukan. Kadang-kadang wacana, dan analytics yang dibuat dalam media terutama sosial media, seolah-olah harga barang keperluan semuanya menekan. Saya tidak nafikan walaupun kita lakukan sebaik mungkin, soal kos sara hidup dunia ini memang mencabar kepada semua mana-mana negara.

8. Jadi kita harus ambil langkah tertentu. Pertama, sikap pimpinan itu harus bersih dan mesti ada kesungguhan, keupayaan, courage untuk melaksanakan. Sebab itu harga minyak umpamanya, kita masih RM2.05. Lebih rendah daripada Arab Saudi, jauh lebih rendah 1/2 daripada harga minyak di Indonesia dan Thailand yang lebih daripada RM4, RM5 kalau ikut nilai wang kita. Jadi untuk turun lebih daripada itu bermakna akan ada suatu sindiket dengan mudah mengambil minyak dan memindahkan ke luar negara. Seperti mana pengaliran minyak sekarang ke Thailand dan ke Singapura yang menyebabkan kita rugi berbilion ringgit kerana kita subsidize kepada warganegara asing yang 35 juta dan kepada negara asing yang akan datang mengambil minyak daripada sini. Sebab itu penguatkuasaan penting.

9. Kita tengok kalau di sempadan disiapkan van dan lori dengan tangki besar di bawah lori dan penguatkuasaan akan mengenal pasti kerana ini bertentangan dengan undang-undang. Sebab itu kerajaan yang bijak dan bertanggungjawab harus memikir bagaimana boleh kita kurangkan excesses ini, dan memastikan apa sahaja subsidi dan bantuan kepada golongan sasaran yang juga disebut penyasaran subsidi seperti yang dilakukan untuk elektrik. Walaupun kita diserang pada awalnya, elektrik itu hanya dibayar oleh syarikat besar dan 15% tertinggi dalam negara. 85% tidak dikenakan tarif tambahan. Tapi ini tidak mengelak daripada ia menjadi suatu perbincangan di peringkat bawah seperti juga SST. Mengapa kita perkenalkan? Bagi sektor-sektor tertentu dengan banyak pengecualian transportation, makanan, minuman, restoran semua dikecualikan tapi masih tentunya ada sedikit kesan secara langsung termasuk sikap beberapa peniaga yang mengambil kesempatan, contohnya kita tahu SST naiknya 20 sen, Tetapi di kedai naiknya 50 sen.

10. Dalam perbincangan saya dengan pimpinan Thailand, mereka telah membandingkan Phuket dengan Langkawi. Mereka ambil fakta beras kita lebih murah, tepung lebih murah, gula lebih murah, minyak mentah lebih murah, minyak lebih murah, namun harga di Phuket lebih murah berbanding Langkawi. Jadi dia tanya saya apa alasan atau rasionalnya? Saya jawab mungkin sewanya ataupun keuntungan oleh syarikat. Inilah antara masalah yang kita akan tangani dengan baik.

11. Saya bagi contoh tahun 2021, 2022 sebelum pertukaran kerajaan, berapa harga ayam? Sampai RM13 1kg? Sekarang jauh lebih rendah RM9, RM10, RM9.50. Minyak masak 5kg ketika itu mencecah RM45. Jadi kadangkadang kawan-kawan saya pembangkang dia bising. Dia lupa atau dia ingat kita pun lupa, masa dia mentadbir harga minyak masak itu 5kg,

RM45 hingga RM50. Sekarang sekitar RM27, sikit kurang, sikit lebih. Sekarang alhamdulillah stabil dan kita telah menggunakan penyasaran subsidi. Harga ayam turun ketimbang 2 tahun lalu tanpa bantuan siling. Maknanya kita boleh selamatkan satu bilion ringgit hanya dengan pengapungan ayam. Satu bilion ringgit dalam satu tahun.

12. Beras pula, saya tahu masih lagi ada sedikit sebanyak masalah terutamanya beras tempatan. Tetapi ketegasan kita dan Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, harga beras import turun RM2 hingga RM3. Itu kerana tekanan dan desakan kita kepada pengimport. Harga beras tempatan memang kurang, jadi ini jadi isu walaupun dia RM26, tapi tidak banyak di pasaran kerana jumlahnya tidak mencukupi untuk keperluan. Apa langkah yang kita ambil? Semua kontrak pusat untuk tentera, polis, sekolah, asrama dan sebagainya, kita guna beras import supaya beras murah tempatan itu boleh dimasukkan dalam pasaran. Itu langkah-langkah yang kita ambil, yang mana belum pernah diambil pendekatan tersebut sebelum ini.

13. Di samping itu kita teruskan dengan Bantuan Tunai (STR). STR 2024 ditambah untuk membantu penerima. Pada tahun 2023, 9 juta penerima STR rakyat dewasa Negara kita mendapat manfaat 60% dengan peruntukan sebanyak 8 bilion ringgit. Ini tambahan daripada tahun sebelumnya. Tahun ini pula melibatkan 10 bilion ringgit STR. Itu geran secara langsung kepada rakyat. Maknanya kadar maksimum kalau tahun 2023 RM3,100 satu keluarga, sekarang RM3,700. Kalau kategori bujang, 2023 RM350, 2024 RM500. Jadi fasa 1 kita sudah bayar bulan Januari RM500. Insha-Allah untuk fasa 2, kita akan mula salurkan pada 3 April. Jadi itu pun ditingkatkan daripada 1.26 bilion ringgit kepada 1.5 bilion

ringgit. Walaupun STR tidak semua yang dapat, yang mana kategori yang rendah dapat.

14. Kemudian kita ada Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang mana kita mula salurkan pada Januari 2024, itu pun ada peningkatan, saudara-saudara. Kita ada kekangan kewangan, tetapi saya tahu tentang masalah yang dihadapi oleh rakyat. Soal kritikan biasa dalam politik, saya faham, tapi untuk mengatakan kita tidak faham, tidak prihatin, tidak betul. Jadi saya minta saudara-saudara tolong jelaskan. Walaupun penjawat awam tidak semestinya campur urusan politik, tetapi ini soal dasar kerajaan, kita perlu betulkan fakta. Kalau tidak, seolah-olah kita tidak berbuat apa-apa. Ada yang mengatakan “Sejak Kerajaan MADANI ini, tidak ada apa pun yang dilakukan”. Sebab itu saya sengaja ulang beberapa kenyataan fakta ini. Umpamanya SARA. Peningkatan itu tinggi sebab SARA ini kumpulan rentan yang pendapatan yang paling rendah. Peruntukan meningkat 5 kali ganda. Tahun 2023, 130 juta. Tahun 2024, 700 juta ringgit. Penerima terdahulu pada tahun 2023 hanya melibatkan miskin tegar seramai 210,000 orang penerima. Untuk tahun 2024 kita tingkatkan, kita tambah lagi untuk miskin tegar dan miskin yang melibatkan 700,000 orang penerima. Sementara itu, kadar SARA juga dapat meningkat, dari RM600 ke RM1,200.

15. Penjawat awam juga terkecuali. Setelah perbincangan dengan Perbendaharaan, Kerajaan telah memperuntukan RM 2,000. Saudara juga harus tahu bahawa terdapat penambahan berbanding tahun sebelumnya 2022 ketika saya ambil alih. Pada tahun 2023 kita tambah jadi RM1,700 dan pada tahun ini RM2,000. Hasil lawatan saya ke Pahang, saya pergi bazar Ramadan di setiap tempat, saya lihat perniagaan Jualan Rahmah masih aktif. Terima kasih kepada kementerian yang berkenaan. Jadi kalau

orang kata mahal, memang jualan RM5 macam itu kekal di berpuluh gerai yang ada. Semalam saya berkesempatan meninjau bazar Ramadan di Sarawak bersama TPM, dan petang ini di Perlis.

Saudara dan saudari sekalian,

16. Pada hari ini bersamaan 21 Ramadan 1445, saya ingin mengumumkan bahawa Kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM 500 kepada semua penjawat awam Gred 56 ke bawah termasuk lantikan kontrak dan RM 250 kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen dan veteran yang tidak berpencen. Insha allah saya telah maklum kepada Perbendaharaan supaya BKK Aidilfitri disalurkan mulai Jumaat ini, 5 April 2024.

Sekian.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2024/04/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-perjumpaan-yab-perdana-menteri-bersama-warga-jpm-bagi-bulan-april-2024/>